

INILAH senjata-senjata dan pakaian berwarna merah yang ditemui di rumah Mohd Noor Kasmadi di Ubi Avenue, ketika pegawai-pegawai Jabatan Keselamatan Dalam Negeri menahannya.

# Senjata, pakaian silat turut dirampas ekoran tangkapan

-5 JUN 1987 B. Harian (M)

SINGAPURA, Khamis (BHS) — Pakaian silat kebatinan dan beberapa senjata ini (gambar kanan) adalah milik Mohd Noor Kasmadi, salah seorang daripada empat lelaki yang ditahan oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (ISD).

Peralatan senjata dan kelengkapan pakaian itu, yang hampir semuanya berwarna merah, ditemui di rumah Mohd Noor di Ubi Avenue ketika pegawai-pegawai ISD mengambil tindakan menahannya kerana mengapi-apikan pergaduhan kaum.

Senjata-senjata itu termasuklah enam bilah pedang, dua bilah keris dan sebilah pedang.

Turut ditemui ialah selempang-selempang merah, tangkal dan kelengkapan pakaian silat yang mempunyai tulisan-tulisan Jawi dan kombinasi ayat dari Jawa di permukaannya.

Antara yang dapat dibaca ialah tulisan surat Al-Fatehah, beberapa potongan ayat yang dimulakan dengan Bismillahirrahmanirrahim dan potongan Surah Yasin.

Kain-kain selempang dan kelengkapan pakaian itu kononnya akan menjadikan pemakainya kebal ketika pergaduhan kaum meletus.

Senjata-senjata itu pula dikatakan sudah diasah dan dijampi serapah oleh Mohd Noor.

Sebahagian daripada senjata-senjata itu dibuat sendiri sementara yang lainnya diimport dari luar.

Mohd Noor dan tiga lelaki lain, Maznan Awi, Abdul Gani Abdul Rahman dan Mohd Jumaat Ramad, ditahan oleh ISD sejak 24 April lalu kerana menyebarkan khabar-khabar angin dan giat membuat persiapan untuk pergaduhan kaum yang menurut mereka akan berlaku pada atau sekitar 13 Mei.

Tarikh itu ialah sempena ulang tahun meletusnya keganasan kaum di Malaysia pada tahun 1969.


Mereka kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Lapan orang lain yang terbabit sudah pun dipanggil dan diberi amaran keras.

Menurut kenyataan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, empat orang itu, yang menjadi anggota kumpulan silat kebatinan yang tidak berdaftar, mempergiatkan latihan kemahiran silat sebagai persiapan menghadapi pergaduhan kaum.

Ini adalah kali pertama satu kumpulan yang mengapi-apikan pergaduhan kaum, ditahan sejak 1969.

Rusuhan 1969 di Malaysia yang merebak ke Singapura menyebabkan empat terbunuh dan 80 cedera di republik itu.

Rusuhan kaum yang paling lama dan mengorbankan banyak jiwa berlaku pada tahun 1964, yang bermula pada 21 Julai ketika berlangsungnya sambutan Maulud Nabi. Ia mengorbankan 36 orang.



TULISAN-tulisan yang terdapat pada salah satu kain selempang yang kononnya akan menjadikan si pemakainya kebal. Ia dirampas daripada rumah Mohd Noor Kasmadi, bekas konstabel di Balai Polis Tanglin.